

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL.4/96**

### **PEMBETULAN SEKATAN KEPENTINGAN DALAM DASAR PEMBUKAAN KILANG SIMEN DAN MARMAR NEGERI KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri bagi membetulkan Sekatan Kepentingan dalam dasar pembukaan kilang simen dan marmar di Negeri Kelantan, bagaimana dalam Pekeliling PTG Bil. 2/96.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG. Bil. 2/96. Syarat Sekatan Kepentingan di para 3.1.5.1. yang dicatat,

i) “Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, digadai atau diberi pajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.”

ii) Sekatan (i) “adalah dikecualikan bagi maksud gadaian tanah ini kepada Bank atau Intitusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri”.

Dibatalkan dan diganti dengan syarat Sekatan Kepentingan yang khas bagaimana kelulusan terbaharu iaitu:

“Pihak Syarikat tidak dibenarkan sama sekali membuat cagaran ke atas kawasan/lot batu batan yang telah diluluskan kepadanya kepada mana-mana Institusi Kewangan untuk apa jua tujuan”.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 17hb.April 1996.

**t.t**

**(Hj Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,  
KELANTAN.

**KEPADA:**

YABrs. Semua Pentadbir Tanah  
Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B Dato' Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan  
(Tuan Hj. Ab. Halim bin Ab. Rahman).
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. Y.Brs Penolong-Penolong Pengarah,  
Unit Pengambilan Tanah Kota Bharu & Machang

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARUL NAIM,  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL: P.T.G. KN. 4485(85)  
BERTARIKH: 08 SYAABAN 1417**

**19 DISEMBER 1996**